

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
PERSIDANGAN KEBANGSAAN EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM 2015 (CMIEF
2015)
29th July 2015
Ucap Utama
PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA DARIPADA SUDUT
PERUNDANGAN
Oleh
Tun Abdul Hamid Mohamad

Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia ini di mana kerajaan memberi sokongan penuh dalam mempromosikan proses pensijilan halal untuk produk dan perkhidmatan. Badan-badan pensijilan halal di negara-negara lain adalah sama ada diwujudkan oleh sesuatu wilayah atau negeri atau dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan mereka (NGO).

Di Malaysia pensijilan halal dan semua perkara yang berkaitan dengannya diperuntukkan oleh undang-undang dan mempunyai kuatkuasa undang-undang.

Undang-undang induk dalam perkara ini adalah Akta Perihal Dagangan 2011. Ia disokong oleh dua perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah peruntukan akta itu. Perintah-perintah itu adalah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011) dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011. Beberapa undang-undang lain juga terpakai atau berkenaan.ⁱ

Mungkin orang bertanya, mengapa ia terletak di bawah undang-undang Persekutuan dan tidak di bawah undang-undang Negeri pada hal ia berkenaan halal haram mengikut hukum syarak.

Jawabnya, isunya adalah “perihal dagangan”. Penggunaan perkataan “halal” di sini adalah diskripsi produk itu. Ianya samalah dengan perbankan Islam dan kewangan Islam. Perbankan dan kewangan terletak di bawah bidangkuasa Persekutuan. Sama ada perbankan dan kewangan itu “Islam” atau “konvensional” adalah jenisnya.

Biar apa pun, sama seperti perbankan dan kewangan Islam, jika kita mahu Malaysia menjadi hub industry halal, ia perlu berada di bawah bidangkuasa Persekutuan. Saya tidak mahu berhujah mengenainya dalam ucap utama ini. Sila baca ucapan, kuliah dan kertas kerja saya mengenai perbankan dan kewangan Islam dalam laman web saya. Ada persamaannya dengan industri halal. Kita sudah berada di hadapan dalam perbankan dan kewangan Islam. Kita juga berada di landasan yang betul untuk berada di hadapan dalam industri halal. Malah, proses pensijilan halal kita telah menjadi *benchmark* untuk diikuti di seluruh dunia. Kita sudah pun berada di kedudukan yang baik. Janganlah *merosakkannya* kerana berebut kuasa. Akhirnya, orang lain yang mengguna pakainya.

Demi pembangunan industry halal di Malaysia, kita perlu terima susunan (*arrangement*) yang sedia ada yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Ia adalah susunan yang terbaik dalam keadaan di Malaysia. Kita hendaklah

memanfaatkannya di dalam sistem kita yang sedia ada, bukan cuba menghapuskan apa yang ada tanpa mengetahui dengan apa ia hendak digantikan.

Mari kita lihat bagaimana kita telah memanfaatkan kedudukan itu dari segi perundangan.

Seksyen 28 Akta Perihal Dagangan 2011 memberi kuasa kepada Menteri untuk mentakrifkan apa-apa ungkapan yang digunakan bagi makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang patut difahami sebagai mempunyai pengertian yang tertentu. Ini boleh dilakukan melalui perintah.

Seksyen 28 juga memperuntukkan bahawa Menteri boleh menetapkan kesalahan bagi mana-mana orang yang memperdayakan atau mengelirukan orang awam bahawa barangan yang ditawarkan menepati takrifan yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen itu.

Hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 28 Akta Perihal Dagangan 2011 adalah:

(a) Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, denda tidak melebihi sepuluh juta ringgit; atau

(b) Jika bukan pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi satu juta ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun, bagi kesalahan berikutnya denda tidak melebihi lima juta ringgit atau penjara tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

Berdasarkan kuasa itu, Menteri telah membuat Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011), yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2012. Antara lain, perintah itu, mentafsirkan ungkapan “hukum syarak”, “makanan” dan “perkhidmatan yang berkaitan dengan makanan atau barang-barang”.

Perenggan 3 mentakrifkan “halal” seperti berikut:

“3. (1) Apabila suatu makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain yang menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu:

(a) bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh Hukum Syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak dan fatwa;

(b) tidak mengandungi unsur-unsur najis mengikut Hukum Syarak dan fatwa;

(c) tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak dan fatwa;

(d) tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasil daripada yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak dan fatwa;

(e) selamat digunakan atau dimakan, tidak beracun, atau tidak memudaratkan kesihatan;

(f) tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak dan fatwa; dan

(g) tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak subperenggan (a) dan (b)....”

Ringkasnya, jika sesuatu barang itu diperihalkan sebagai halal, ia hendaklah tidak mengandungi benda atau perkara yang tidak halal.

Subperenggan (2) adalah mengenai perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang yang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam.ⁱⁱ

Subperenggan (3) memperuntukkan kesalahan.

“(3) Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu yang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain yang bertentangan dengan perenggan ini adalah melakukan kesalahan.”

Perenggan 4 mewujudkan kesalahan “bagi memperdayakan atau mengelirukan.”ⁱⁱⁱ

Perenggan 5 meletakkan penalti bagi kesalahan-kealahan itu yang serupa dengan apa yang diperuntukkan dalam seksyen 28 Akta Perihal Perdagangan 2011.

Seksyen 29 pula memperuntukkan bahawa Menteri boleh melalui perintah, mengenakan kehendak untuk menjamin bahawa barang-barang itu diperakukan, ditandakan atau disertai sedemikian dan mengawal selia atau melarang pembekalan barang-barang dan kehendak itu boleh meliputi bentuk dan cara maklumat atau arahan itu diberikan.

Menteri boleh menamakan mana-mana pihak berkuasa berwibawa untuk membuat perakuan dan lain-lain yang berkaitan dengan pensijilan halal.

Seksyen itu juga mewukudkan kesalahan-kesalahan yang hukumannya:

- (a) Jika pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit, bagi kesalahan kedua, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.
- (b) Jika bukan pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, bagi kesalahan kedua, denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya

Berdasarkan peruntukan seksyen 29 Akta Perihal Dagangan 2011, Menteri telah membuat Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

Perenggan 3 adalah mengenai pihak berkuasa berwibawa.

“3. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam bagi Negeri-Negeri masing-masing hendaklah menjadi pihak berkuasa berwibawa untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrifan Halal) 2011.

Perenggan 4 adalah mengenai perakuan perihal halal.

“4. (1) Semua makanan dan barang-barang tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan ungkapan lain untuk menunjukkan makanan dan barang-barang itu boleh dimakan oleh orang Islam melainkan jika—

(a) diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa; dan

(b) ditandakan dengan logo sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”

Subperenggan (2) adalah mengenai perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang manakala subperenggan (3) adalah mengenai makanan yang dibekalkan oleh orang bukan Islam.^{iv}

Perenggan 5 adalah mengenai perakuan perihal halal ke atas makanan dan barang-barang import.^v

Perenggan 6 adalah mengenai penandaan ke atas makanan, barang-barang dan perkhidmatan.^{vi}

Perenggan 7 adalah mengenai permohonan perakuan dan fi^{vii}

Perenggan 8 adalah mengenai kesalahan.

“8. Mana-mana orang yang—

(a) memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal; atau

(b) membekalkan atau menawar untuk membekalkan apa-apa makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu, bertentangan dengan Perintah ini, melakukan suatu kesalahan..... “

Hukumannya adalah seperti yang diperutukka dlam seksyen 29 ADP 2011.

Ulasan

Saya ingin menarik perhatian kepada dua perkara dahulu. Pertama, saya perhatikan ada undang-undang kesalahan jenayah syari'ah negeri-negeri yang mempeuntukkan kesalahan penyalahgunaan tanda halal. Misalnya seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997. Mungkin peruntukan itu difikirkan perlu suatu masa dahulu. Pada pandangan saya peruntukan seperti ini sepatutnya dimansuhkan. Sebabnya ialah:

- a. Perkaranya (*subject matter*) terletak di bawah bidangkuasa Persekutuan dan bukan di bawah bidangkuasa Negeri (Jadual Kesembilan Senarai II).
- b. Mahkamah Syari'ah hanya mempunyai bidangkuasa terhadap orang yang menganut agama Islam. Bagaimana hendak mendakwa orang bukan Islam dan syarikat-syarikat?
- c. Hukumannya terlalu rendah ia itu tidak melebihi RM5,000 berbanding dengan tidak melebihi RM10 juta di bawah ADP 2011.

Kedua, ternampak seolah-olah ada *confusion* mengenai kedudukan MAIN dan JAIN. Perintah Perakuan dan Penandaan Halal melantik MAIN sebagai Pihakberkuasa Berwibawa. Tetapi Pekeliling merujuk kepada JAIN. Kertas yang dikeluarkan oleh MAMPU merujuk kepada MAIN/JAIN. Kita perlu jelas dalam hal ini. MAIN dan JAIN adalah identity yang berlainan. MAIN adalah satu perbadanan yang ditubuh oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. JAIN adalah jabatan kerajaan negeri sebagaimana JAKIM adalah satu jabatan kerajaan Persekutuan. Yang mana satu yang hendak ditugaskan menjalan kerja-kerja itu bersama-sama JAKIM? Kalau hendak lantik JAIN, lantik JAIN. Saya khawatir akan timbul masalah teknikal nanti.

Setakat ini, kita boleh meromoskan bahawa:

1. Industri halal terletak di bawah bidangkuasa KPDNKK.
2. Undang-undang berkenaan adalah Akta Perihal Dagangan 2011 yang terletak di bawah portfolio KPDNKK.
3. "Halal" adalah satu daripada perihal dagangan di bawah akta itu;
4. Segala kuasa mengenainya terletak kepada Pengawal, Timbalan Pengawal dan Penolong Pengawal yang dilantik oleh Menteri mengikut seksyen 3 akta itu.
5. Kuasa pendakwaan, seperti biasa, terletak kepada Pendakwa Raya.
6. JAKIM dan MAIN dilantik oleh Menteri sebagai Pihakberkuasa Berwibawa untuk membuat perakuan halal.
7. Semua permohonan untuk mendapat perakuan halal hendaklah dibuat kepada JAKIM atau MAIN.

Seperti yang saya sebut tadi, kita hendaklah menerima susunan ini dan bersama-sama berusaha dan membantu untuk menguatkan pelaksanaannya, termasuk memberi teguran-teguran yang membina.

Mengenai pengeluaran sijil halal. Ia bukan hanya melibatkan soal hukum. Sebelum kita boleh menetapkan hukum, kita perlu tahu isi kandungan sesuatu produk itu. Jika ia seekor binatang, bolehlah kita lihat rupanya dan sifat-sifatnya. Tetapi, bagi produk yang telah diproses, ujian saintifik perlu dilakukan. Dalam kata-kata lain, ulama' atau ustaz tidak tahu semua. Kepakaran selain daripada mengenai hukum syarak juga diperlukan. Saya dimaklumkan bahawa pada masa ini pun, untuk tujuan auditing sesuatu permohonan, jika diperlukan, JAKIM dan MAIN memang melibatkan

jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Kimia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan lain-lain. Itu satu perkara yang baik.

Siasatan dan pendakwaan adalah dua perkara yang sangat penting. Hanya memberi amaran, malah menggantung atau menarik balik lesen, mungkin tidak memberi kesan secukupnya. Kita bukan berhadapan dengan kesalahan-kesalahan yang ringan yang hanya melibatkan individu seperti kesalahan berkhawat. Kita berhadapan dengan syarikat-syarikat gergasi dan kesalahan yang hukumannya boleh mencecah RM10 juta ringgit. Syarikat-syarikat itu mampu memperolehi perkhidmatan peguam dan profesional yang berkaliber. Maka, untuk memperolehi sabitan, siastan mestilah mantap dan pendakwaan menstilah cekap.

Saya difahamkan bahawa kuasa menyiasat telah diperturunkan kepada sebilangan Pegawai JAKIM dan JAIN dengan melantik mereka sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan dibawah Akta Perihal Dagangan 2011. Hanya memberi kuasa tidak cukup. Mereka mestilah dilatih secukupnya. Penyiasatan yang tidak menyeluruh dan mantap mungkin akan mengakibatkan kegagalan pendakwaan mendapat sabitan.

Saya juga mendapat tahu bahawa pada masa ini Timbalan Pendakwa Raya ditempatkan di KPDNKK. Itu bagus, cuma saya harap di antara mereka ada yang cukup kanan dan berpengalaman. Kita tidak mahu apa yang berlaku di masa lepas di jabatan-jabatan dan di majlis-majlis perbandaran yang diberi kuasa mendakwa, berulang. Pada masa itu, Pegawai Pendakwa menyediakan pertuduhan, pergi ke mahkamah dan mengharapakan tertuduh mengaku salah. Jika tertuduh minta dibicarakan, pegawai itu tidak tahu apa yang hendak dibuat. Bagi kes-kes menjaja tanpa lesen bolehlah diharapkan tertuduh akan mengaku salah. Tetapi di mana denda berjuta-juta ringgit, ia tidak mungkin berlaku.

Saya difahamkan bahawa setakat ini belum ada pendakwaan dilakukan mengenai kes-kes halal. Ertinya penyiasatan dan pendakwaan kita masih belum diuji. Tetapi, saya percaya banyak kes-kes lain yang pendakwaan telah dilakukan oleh KPDNKK. Cuba semak berapa pertus daripada kes-kes yang tertuduh minta dibicarakan, KPDNKK memperolehi sabitan dan berapa peratus yang dilepas dan dibebakan. Dari situ kita boleh cari kelemahan kita dan memperbaikinya sementara masa masih ada.

Penutup

Saya dapati terdapat banyak persamaan di antara industri perbankan dan kewangan Islam dengan industri halal. Kita wujudkan industri halal kerana tuntutan agama: terus terang, kita takut dosa. Maka kita cuba memastikan supaya umat Islam tidak memakan makanan yang haram. Tetapi, di Malaysia sahaja pun ia telah menjadi satu industri yang bernilai berbilion ringgit. Apabila ada wang yang begitu banyak untuk diperolehi, maka perakuan halal Malaysia menjadi bernilai. Hinggakan seorang warganegara Itali telah mendaftarkan logo halal Malaysia sebagai haknya di Office of Harmonisation of Common Market, European Union. Kita terpaksa mengambil tindakan undang-undang terhadapnya di General Court of European Union dan kes itu masih belum slesai. Pada masa yang sama ramailah peniaga, pengeluar dan lain-lain yang masuk untuk merebut peluang membuat keuntungan.

Yang Islam, saya percaya, masih mempunyai sedikit sebanyak perasaan takut berdosa jika mereka melakukan sesuatu yang tak halal sebagai halal.

Tetapi, bagi orang bukan Islam, mereka menolak Islam, maka soal takut dosa tidak timbul bagi mereka. Saya percaya ada syarikat-syarikat gergasi yang beretika tinggi yang akan mencuba sedaya upaya untuk mematuhi segala syarat yang ditetapkan demi menjaga nama baiknya. Tetapi, saya percaya, ada juga yang lainnya, termasuk individu yang hanya mmentingkan keuntungan. Bagi mereka untung adalah “ma’ruf” dan rugi adalah “munkar”. “Halal” hanyalah satu perkataan atau sekeping logo untuk digunakan untuk membuat keuntungan. Maka, kita mesti waspada supaya mereka ini tidak mengambil kesempatan untuk menyalahgunakan perkataan, pengakuan dan sijil halal. Untuk itu tidak ada jalan lain melainkan penguatkuasaan yang tegas dan pendakwaan yang berkesan.

Saya juga menyeru kepada mahkamah supaya mengambil pandangan yang serius terhadap kesalahan-kesalahan itu dan mengenakan hukuman yang *deterrent*. Mahkamah perlu bergerak seiring dengan kerajaan dalam soal dasar awam untuk kepentingan negara. Kita patut belajar dari Singapura. Sebab itulah sesuatu undang-undang yang dibuat oleh kerajaan Singapura dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Jangan salah faham. Saya tidak mengatakan industri halal hanya untuk orang Islam. Malah jika orang bukan Islam hanya akan mengeluarkan dan memperdagangkan barangan halal sahaja, lagi baik. Kita tidak perlu ada undang-undang, malah Pihakberkuasa Berwibawa, Bahagian Hab Halal, Bahagian Siasatan dan Bahagian Pendakwaan pun boleh ditutup. Apa yang saya tekankan ialah, sesiapa yang hendak menceburi dalam industry halal hendaklah menghormati tujuan asal mengapa umat Islam mengadakannya. Ia ada ruh, bukan hanya satu cara untuk mencari keuntungan. Maka, janganlah mencemarinya kerana hendak mencari keuntungan. Jika ingin bermain “bola Islam” ikut peraturan Islam.

Pada masa yang sama, pegawai-pegawai yang melaksanakannya janganlah mudah teruja dengan bilangan orang dan syarikat kepunyaan orang bukan Islam yang memohon dan mandapat perakuan halal atau banyaknya barangan yang memakai logo halal di pasaran. Kita hanya boleh teruja apabila kita yakin bahawa mereka telah mematuhi semua syarat-syaratnya, dan apa yang diperihalkan sebagai halal itu memang halal. Pada masa itu, kita bolehlah berterima kasih kepada mereka kerana telah membantu membangunkan industri halal sambil menjadi kaya raya kerananya. Mereka juga patut berterima kasih kepada agama Islam atau, lebih baik, menerimanya. Bagi saya, itu adalah satu contoh dakwah yang berhikmah.

Dalam industri halal juga, saya kkuatir umat Islam akan menjadi satu umat yang terlepas pelung. Saya difahamkan lebih kurang 70% pemegang parakuan halal di Malaysia adalah orang bukan Islam. Saya tidak tahu berapa peratus nilai industry halal yang dimiliki oleh mereka, mungkin lebih. Di mana kita? Satu industry yang diwujudkan untuk mematuhi syari’ah, dimonopoli oleh orang bukan Islam! Itu adalah satu cabaran kepada umat Islam.

Terima kasih.

tunabdulhamid@gmail.com

www.tunabdulhamid.my

www.tunabdulhamid.me

ⁱ Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985;
 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006),
 Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 dan *Animals Rules 1962, Animals (Importation) Order 1962*;
 Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998;
 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997;
 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak, 2001,
 Enakmen Majlis 2004 (Sabah),
 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri;
 Akta Racun 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984;
 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 Akta Cap Dagangan 1976

ⁱⁱ “(2) Apabila perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan yang berhubung dengan makanan dan barang-barang itu dijalankan mengikut Hukum Syarak.”

ⁱⁱⁱ “4. (1) Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa makanan dengan membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh memperdayakan atau mengelirukan mana-mana orang bahawa makanan itu adalah halal atau boleh dimakan oleh orang Islam adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), “representasi atau perbuatan” termasuklah penggunaan ayat-ayat suci Al-Quran atau apa-apa perkara atau objek yang berhubung dengan agama Islam sama ada di premis di mana makanan tersebut dijual atau di bekas di mana makanan tersebut dibekalkan.

(3) Jika mana-mana orang dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah subperenggan (1), beban untuk membuktikan bahawa makanan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan adalah halal mengikut kehendak perenggan 3 hendaklah terletak pada orang yang dipertuduh itu.”

^{iv} “(2) Perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam melainkan jika—

(a) diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwajib; dan

(b) ditandakan dengan logo sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan

(3) Walau apa pun subperenggan (1), semua makanan yang dibekalkan oleh orang bukan Islam sekiranya ingin diperihalkan dengan mana-mana ungkapan lain yang menunjukkan makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam hendaklah—

(a) diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwajib; dan

(b) ditandakan dengan logo sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama
 Pertama.”

^v “5. (1) Semua makanan atau barang-barang import yang dipasarkan di Malaysia tidak boleh diperihalkan sebagai halal melainkan jika makanan dan barang-barang import itu mematuhi kehendak perenggan 4 atau diperakukan sebagai halal oleh badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Pengimport atau pengeluar mana-mana makanan atau barang-barang yang diperakukan sebagai halal oleh badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM sebagaimana yang dirujuk dalam perenggan (1) hendaklah menandakan pada makanan atau barang-barang itu, nama badan pensijilan halal tersebut.”

^{vi} “6. (1) Semua makanan dan barang-barang yang hendak ditandakan mengikut perenggan 4 dan 5 hendaklah ditandakan dengan menampalkan atau melampirkan logo yang dinyatakan dalam Jadual Pertama pada atau dengan apa-apa ungkapan lain mengecapkannya di atas atau menyatukannya dengan—

(a) makanan atau barang-barang itu sendiri; atau

(b) apa-apa benda yang di dalamnya, di atasnya atau dengannya makanan atau barang-barang itu dibekalkan.

(2) Semua perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang yang hendak ditandakan mengikut kehendak perenggan 4 dan 5 hendaklah ditandakan dengan apa-apa ungkapan yang boleh dianggap sebagai merujuk kepada perkhidmatan tersebut termasuk di premis perkhidmatan tersebut dibekalkan.”

^{vii} “7. (1) Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu boleh memohon kepada Ketua Pengarah JAKIM atau Majlis Agama Islam bagi Negeri-Negeri masing-masing bagi mendapatkan perakuan halal.

(2) Mana-mana permohonan bagi perakuan halal itu hendaklah mematuhi standard, prosedur dan pekeliling yang dikuatkuasakan oleh Ketua Pengarah JAKIM atau Majlis Agama Islam bagi Negeri-Negeri masing-masing.

(3) Fi yang kena dibayar bagi permohonan perakuan halal adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 [P.U. (A) 432/2011].”